

1980

20hb. Ogos

Ketua-Ketua Jabatan/Kementerian

Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendiri/Cawangan ANM

Bendahari Negeri.

Tuan,

### **DIRECT ACCOUNTING SYSTEM**

### **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 1980**

### **SISTEM PERAKAUNAN LANGSUNG**

#### **1. Tujuan**

Tujuan Pekeling ini adalah untuk menerangkan Sistem Perakaunan Langsung (Direct Accounting System) dan perlaksanaannya oleh Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Yang Mengakaun Sendiri dan Bendahari Negeri.

#### **2. Sistem Perakaunan Langsung**

2.1. Sistem ini memerlukan pembukuan segala urusniaga secara terus menerus ke akaun-akaun Kementerian/Jabatan yang dikendalikan oleh Bahagian Akaun Pusat Jabatan Akauntan Negara, Kuala Lumpur samada urusniaga tersebut telah dilaksanakan oleh Jabatan/Kementerian tersebut atau bagi pihak Jabatan/ Kementerian tersebut oleh agensi perakaunan yang lain.

2.2. Ini bermakna sistem sekarang iaitu mengakaun secara terus menerus dengan Jabatan/Kementerian berkenaan diberhentikan dan semua pengakaun urusniaga Persekutuan hendaklah disalor kepada Jabatan Akauntan Negara. Walau bagaimanapun bagi maksud untuk mengemaskinikan akaun-akaun yang dikendalikan oleh Kementerian/Jabatan sendiri terutama pihak Jabatan Yang Mengakaun Sendiri, mereka akan diberi segala maklumat dan butir-butir yang diperlukan oleh Jabatan/Kementerian yang telah melaksanakan urusniaga tersebut bagi pihak mereka.

#### **3. Berikut ini adalah aturcara dan implikasi perlaksanaan sistem ini:-**

##### **3.1. Pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara**

Semua pejabat cawangan dikehendaki mengakaun semua urusniaga yang dilaksanakan oleh mereka secara terus menerus kepada Jabatan Akauntan Negara, Kuala Lumpur. Suatu

salinan penyata akaun, lapuran dan penyata-penyata yang berkenaan yang disediakan seperti biasa untuk Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah dihantar kepada Jabatan Mengakaun Sendiri. Ini adalah untuk membolehkan Jabatan Mengakaun Sendiri mengemaskinikan buku mereka. Tarikh perlaksanaan adalah pada 1hb. Julai, 1980. Suatu arahan berasingan akan dikeluarkan untuk diikuti oleh Pejabat-pejabat cawangan.

### **3.2. *Jabatan Mengakaun Sendiri***

3.2.1. Jabatan Mengakaun Sendiri hanya dikehendaki mengakaun kepada Jabatan Akauntan Negara urusniaga-urusniaga yang dilaksanakan oleh mereka sendiri sahaja samada untuk Jabatan/Kementerian mereka atau bagi pihak Jabatan/Kementerian lain. Ini dengan sendiri bermakna Jabatan Mengakaun Sendiri perlu mengujudkan sistem perakaunan yang membolehkan mereka memisahkan urusniaga yang mereka laksanakan sendiri dan apa yang dilaksanakan oleh agensi yang lain bagi pihak mereka.

3.2.2. Segala urusniaga yang dilaksanakan oleh Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah disalorkan ke Jabatan Akauntan Negara dengan urusniaga tersebut dicerakinankan seperti berikut :-

*a) Perbelanjaan Mengurus*

Berdasarkan (i) Kepala (Vote Head)

(ii) Pecahan Kepala (Standard Object)

*b) Perbelanjaan Pembangunan*

Berdasarkan (i) Kepala Perbelanjaan

(ii) Pecahan Kepala – seperti di dalam buku anggaran

*c) Arahan dan Hasil – seperti biasa.*

3.2.3. Bagi urusniaga yang dilaksanakan bagi pihak Jabatan Mengakaun Sendiri, suatu salinan akaun tersebut bersama dengan salinan dokumen (seperti baucer, penyata potongan dan sebagainya) hendaklah dihantar kepada Jabatan Mengakaun Sendiri tersebut untuk membolehkan mereka mengemaskinikan buku mereka.

3.2.4. Buat masa ini akaun SAD yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara disimpan berdasarkan Vote Head dan Objek Sebagai (General Object). Oleh kerana mulai dengan Sistem Perakaunan Langsung ini, ianya disimpan berdasarkan Vote Head. Objek Pelbagai (S.O), pihak Jabatan Mengakaun Sendiri diminta menyampaikan kepada Jabatan Akauntan Negara suatu cerakinan segala perbelanjaan yang telah dihantar di antara Januari 1980 – Jun 1980 berdasarkan Vote Head dan Objek Sebagai.

3.2.5. Tarikh perlaksanaan adalah 1hb. Julai, 1980.

### **3.3. Jabatan Akauntan Negara (Ibu Pejabat)**

3.3.1. Segala urusniaga yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara akan dibukukan secara terus menerus kedalam akaun Jabatan/Kementerian yang dikendalikan oleh Jabatan ini. Walau bagaimanapun Jabatan Akauntan Negara akan menyampaikan salinan akaun tersebut serta dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Jabatan Mengakaun Sendiri untuk tujuan Jabatan/Kementerian tersebut mengemaskinkan buku mereka. Tarikh perlaksanaan adalah 1hb. Julai, 1980.

### **3.4. Bendahari Negeri**

3.4.1. Dengan perlaksanaan sistem ini, kesemua Bahagian negeri dikehendaki mengakaun segala urusniaga yang dilaksanakan bagi pihak Jabatan Persekutuan terus ke pejabat-pejabat cawangan Jabatan Akauntan Negara di negeri tersebut. Segala urusniaga tersebut akan dikendalikan menerusi akaun Semasa Antara Pentadbiran di antara Bendahari Negeri dan pejabat-pejabat cawangan.

3.4.2. Bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara akan juga mengendalikan suatu akaun Semasa Antara Pentadbiran dengan tiap-tiap Bendahari Negeri bagi penyelesaian pendahuluan tahunan, imbohan, geran tahunan dan sebagainya. Tarikh perlaksanaan akan ditetapkan di suatu mesyuarat dengan pihak Kerajaan Negeri yang akan diadakan sedikit masa lagi.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZAINUL ABIDIN BIN YAHAYA)

Timbalan Akauntan Negara Malaysia,

b.p. Akauntan Negara Malaysia.